**PERATURAN PEMARKAHAN**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2023**

| NO. | | JAWAPAN | MARKAH |
|---|---|---|---|
| A | 1 | ليستأذنكم | 1m |
| | 2 | Usul | 1m |
| | 3 | Pemberi wasiat | 1m |
| | 4 | Imam An-Nawawi | 1m |
| | 5 | Riba Al-Qardu | 1m |
| | 6 | Al-Quran | 1m |
| | 7 | Fasid | 1m |
| | 8 | Mahar Musamma | 1m |
| | 9 | Harus | 1m |
| | 10 | Bai’ Salam | 1m |
| | 11 | جمع | 1m |
| | 12 | مطلق | 1m |
| | 13 | خليفة معاوية بن ابي سفيان | 1m |
| | 14 | زيد بن حارثة | 1m |
| | 15 | Bidang politik dan pentadbiran | 1m |
| | 16 | Bidang ekonomi | 1m |
| | 17 | Betul | 1m |
| | 18 | Salah | 1m |
| | 19 | Salah | 1m |
| | 20 | Betul | 1m |

**BAHAGIAN B**

| | | | |
|---|---|---|---|
| **1** | (a) | **Tuntutan hukum dalam ayat** :<br>- Memelihara kehormatan diri dengan tidak melakukan pergaulan bebas<br>- Wajib menutup aurat dan tidak mendedahkan perhiasan diri<br>- Menjaga pandangan mata dan tidak melihat perkara yg merosakkan akal fikiran spt gambar lucah.<br>- | 2x1m = 2m |
| | (b) | **Sebab nuzul ayat di atas:**<br>- Menurut riwayat Mardaweh daripada Ali Bin Abi Talib, ayat ini merujuk kepada kisah yang berlaku pada **zaman Rasulullah** SAW di **Kota Madinah**<br>- Seorang lelaki saling **bertentang mata** dengan seorang wanita membuatkan masing-masing terpikat.<br>- Ketika dalam perjalanan, **lelaki itu terlanggar tembok** sehingga berdarah. Namun dia tidak mengesat darah yang mengalir.<br>- Apabila sampai di rumah Rasulullah, dia mengadu akan hal ini. Maka turunlah ayat 30 Surah An-Nur menjelaskan hal tersebut. | 4x1m = 4m |
| | (c) | **Dua cara menjaga maruah diri sebagai pelajar :**<br>- Memakai pakaian yang menutup aurat seperti pakaian longgar dan tidak ketat.<br>- Menjaga batas pergaulan antara pelajar lelaki dan perempuan seperti tidak bercampur jantina dalam aktiviti berkumpulan.<br>- Menggunakan perkataan yang sopan apabila berbicara dengan guru atau rakan-rakan.<br><br>● Jawapan munasabah diterima | 2x2m = 4m |
| | (d) | **Menjaga maruah diri membentuk muslim yang berakhlak mulia :**<br><br>**Dua hujah menyokong :**<br><br>- Menjaga maruah diri menjadikan muslim berperibadi unggul/bertatasusila/berimej baik kerana menjalani kehidupan dengan melakukan perkara kebaikan<br>- Menjaga maruah diri membentuk muslim yang taat/patuh kerana menuruti segala perintah dan menjauhi larangan Allah dalam kehidupan mereka | 2x2m = 4m<br>Isi + Huraian |
| | (e) | **Tiga Perkara yang akan terjadi kepada remaja sekiranya perkara di atas tidak ditangani dengan baik :**<br><br>- Imej remaja akan tercalar *kerana* setiap perbuatan negatif pasti merosakkan diri remaja. | 3x2m = 6m<br>I + H |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | - Kemerosotan dalam pembelajaran *kerana* pelajar/remaja menghabiskan masa dengan perkara yang sia-sia.<br>- Berlakunya masalah sosial *seperti* zina yang boleh menyebabkan masalah pembuangan bayi dan penularan penyakit berbahaya berlaku.<br>- Remaja hilang arah dan tujuan kehidupan *kerana* tidak mempunyai persiapan diri sewaktu kecil. | |

<table>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>Pengertian Wakaf<br><br>Menahan harta yang kekal bentuknya /yang boleh diambil manfaatnya untuk kebaikan<br><br>* jawapan mesti ada perkataan MENAHAN</td><td>2x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>Istinbat hukum<br><br>- Melalui lafaz إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ"<br>- Ia bermaksud Rasulullah menggalakkan saidina umar untuk mewaqafkan tanahnya. Galakan berwaqaf bukan ditujukan kepada umar sahaja, tetapi kepada semua umat islam<br>- Setiap perbuatan yang digalakkan adalah sunat<br>- Maka hukum berwaqaf untuk kemaslahatan dan kepentingan umat islam  adalah sunat</td><td>4x1m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>Perbezaan waqaf dan wasiat
<table>
<tr><th>WAQAF</th><th>WASIAT</th></tr>
<tr><td>Kadar tidak ditetapkan</td><td>Kadar wasiat tidak melebihi 1/3</td></tr>
<tr><td>Penerima ahli waris dan bukan ahli waris</td><td>Penerima selain ahli waris</td></tr>
<tr><td>Berkuatkuasa semasa hidup</td><td>Berkuatkuasa selepas meninggal dunia</td></tr>
<tr><td>Meliputi asset dan manfaat harta</td><td>Boleh mewasiatkn manfaat harta sahaja</td></tr>
</table></td><td>4x1m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td>KBAT : Cadangan Jawapan
<table>
<tr><td>Isi</td><td>Pada maklumat pertama, Rasulullah menyatakan sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan doa anak yang</td></tr>
</table></td><td>6x1m = 6m</td></tr>
</table>

<table>
<tr>
<td></td>
<td></td>
<td>
<table>
<tr><td></td><td>soleh merupakan amalan yang berpanjangan kepada si mati</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>Ini dikuatkan lagi pada maklumat kedua yang menunjukkan pengwujudan skim wakaf Johor yang menawarkan pembelian wakaf secara atas talian telah memudahkan individu yang ingin berwakaf.</td></tr>
<tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Dua maklumat ini adalah berkaitan dan disokong oleh info digital e-wakafjohor.gov.my sebagai pengenalan kepada e- wakaf Johor kepada masyarakat Islam.</td></tr>
<tr><td>Huraian Lebih Lengkap</td><td>Bahan/info grafik ini jelas menunjukkan, info ini wajar dipuji kerana memudahkan para pewakaf untuk membuat wakaf secara atas talian ataupun di perkhidmatan kaunter</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan Ringkas</td><td>Kesimpulannya, umat Islam sangat digalakkan untuk membuat wakaf</td></tr>
<tr><td>Kesimpulan Lengkap</td><td>kerana banyak kelebihan dapat diperolehi dan sesuai dengan anjuran Islam.</td></tr>
</table>
</td>
<td></td>
</tr>
<tr>
<td></td>
<td>(e)</td>
<td>Dua hujah menyokong pernyataan :<br><br>
- Wakaf dapat membantu golongan yang memerlukan seperti pembinaan rumah kedai dan disewa mengikut kadar kemampuan atau kadar minima.<br>
- Wakaf membuka peluang pekerjaan kepada orang ramai disamping menjana pendapatan anggota masyarakat seperti terdapat banyak hotel-hotel wakaf dibina di setiap negeri.<br>
- Wakaf dapat mengurangkan kadar kemiskinan umat islam kenana hasil pendapatan wakaf dapat membantu golongan tersebut<br>
- Harta wakaf boleh dijadikan modal untuk sesuau pelaburan atau perniagaan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada umat islam</td>
<td>2x2m = 4m</td>
</tr>
</table>

<table>
<tr><td>3</td><td>(ai)</td><td>Maksud Hibah :<br><br>Memberikan pemilikan harta kepada orang lain/tanpa sebarang bayaran atau balasan/ketika masih hidup/secara sukarela<br><br>Catatan :<br>1 isi – 0M / 2 isi – 1 M / 3 isi – 2 M</td><td>2x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(aii)</td><td>Dua syarat pemberi dan penerima hibah :<br><br>- Pemberi hibah mestilah berkelayakan memberi hibah / iaitu baligh, berakal, tidak dipaksa dan tidak ditegah daripada menguruskan harta<br>- Mempunyai hak menguruskan harta / seperti buka pemegangbamanah harta anak yatim<br>- Penerima hibah boleh menerima hibah / sama ada orang dewasa, kanak-kanak dan orang gila</td><td>2x2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>Kbat : Kebaikan Ar-Rahnu :<br><br><table><tr><td>Isi</td><td>Muamalat ini patuh syariah</td></tr><tr><td>Huraian</td><td>Hal ini disebabkan, pinjaman wang yang diberikan tanpa faedah bebas daripada sebarang unsur riba</td></tr><tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Perkara ini disokong gambar di atas, yang menunjukkn sistem Ar-Rahnu Pajak Gadai Islam yang merupakan salah satu alternatif untuk mendapatkan wang di dalam Islam</td></tr><tr><td>kesimpulan</td><td>Kesimpulannya, sebagai umat Islam kita perlulah mengikuti syariat Islam dalam bermuamalat seperti muamalat gadaian Islam seterusnya mengukuhkan ekonomi umat Islam.</td></tr></table><br>-</td><td>4x1m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(ci)</td><td>Hukum : Tidak sah rujuk<br>Alasan : kerana telah tamat tempoh iddah iaitu selepas bersalin</td><td>2x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(cii)</td><td></td><td>2x1m = 2m</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Hukum : Sah<br>Alasan : Kerana bekas isterinya belum disetubuhi | |
| | (d) | **Maksud jenayah :**<br><br>Kesalahan syarak/samada meninggalkan suruhan atau melakukan larangan syarak/yg diancam hukuman hudud, qisas atau takzir<br><br>**Catatan :**<br><br>1 isi – 0M / 2 isi – 1 M / 3 isi – 2 M | 2x1m = 2m |
| | (e) | **Dua syarat pelaksanaan hukuman takzir :**<br><br>- Hukuman yg dikenakan /tidak bercanggah dengan kehendak syarak<br>- Tidak menyamai kadar hukuman hudud/spt hukuman sebat 40 sebatan<br>- Bertujuan menjaga kemaslahatan yg ditetapkan islam<br>- Hukuman dapat menolak keburukan atau mengurangkannya tanpa memudaratkan atau menghina kemuliaan manusia<br>- Hukuman sesuai dgn jenayah dilakukan<br>- Persamaan dan adil antara manusia<br>- Dijalankan oleh pemerintah | 2x2m = 4m |

**BAHAGIAN C**

<table>
<tr><td>4</td><td>(ai)</td><td>BahagianTakhsis :<br><br>- Takhsis dengan dalil nas<br>- Takhsis dengan dalil bukan nas</td><td>2x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(aii)</td><td>Bentuk Takhsis dengan dalil nas dibawah<br>- Takhsis Al Sunnah dengan Al Quran<br>- Hadis di atas adalah hadis am yang menunjukkan wajib berwuduk sebelum menunaikan solat tidak sah solat tanpa wuduk.<br>- Hadis ini telah ditakhsiskan dengan ayat Al Quran yang menunjukkan supaya bertayamum ketika ketiadaan air.<br>- Oleh itu wajiblah bertayamum sekiranya hendak menunaikan solat sekiranya tidak mendapati air<br>-</td><td>4x1m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>Hukum Lafaz Mutlak<br><br>Adalah terpakai apabila sesuatu lafaz datang secara mutlak dalam satu ayat Al Quran atau hadis selagi tiada dalil yang menunjukkan ia dikaitkan dengan mana-mana sifat dalam ayat Al Quran atau hadis yang lain.</td><td>1x2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>Sebab pada zaman Rasulullah tidak timbul banyak permasalahan seperti perundangan pada zaman yang lain:<br><br>- Perundangan pada zaman Rasulullah bersumberkan kepada Wahyu pertama dan Hadis sebagai sumber yang kedua.<br>- Para sahabat yang menghadapi masalah akan terus merujuk kepada Rasulullah SWT.</td><td>1x2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(d)</td><td>Kbat : Kesan menjalinkan hubungan yang salah dengan orang bukan Islam dalam perundangan Islam<br>
<table>
<tr><td>Isi</td><td>Skop undang-undang Islam disempitkan.</td></tr>
<tr><td>Huraian</td><td>Hal ini disebabkan, kesan daripada Perjanjian Pangkor yang dibuat memberi ruang campur tangan Pensihat Inggeris dalam urusan pentadbiran kecuali dalam urusan agama Islam dan adat Melayu.</td></tr>
<tr><td>Huraian Lengkap</td><td>Perkara ini disokong oleh dalil Al-Quran yang bermaksud, “ Wahai orang yang beriman, janganlah</td></tr>
</table></td><td>4x1m = 4m</td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td></td><td><table><tr><td></td><td>kamu mengambil orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang yang beriman”.</td></tr><tr><td>kesimpulan</td><td>Kesimpulannya, umat Islam perlulah sentiasa berjaga-jaga akan sebarang tipu helah yang dibuat oleh orang bukan Islam dengan terus menjadikan Al-Quran dan As-Sunnah sebagai panduan utama dalam perundangan Islam.</td></tr></table></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(ei)</td><td>Dua khalifah yang masyhur pada zaman Abbasiah :<br><br>- Khalifah Harun Ar Rasyid<br>- Khalifah Al Makmun</td><td>2x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(eii)</td><td>2 sebab menyumbang kepada kemerosotan tamadun Kerajaan Abbasiah :<br><br>- Pemerintah dan penguasa leka dengan kemewahan/sehingga tidak mampu mentadbir negara dengan baik<br>- Situasi ekonomi yg tidak stabil/kerana kelemahan pemerintah yg leka dengan hiburan yg melalaikan</td><td>2x2m = 4m</td></tr>
<tr><td>5</td><td>(a)</td><td>Maksud wadie :<br><br>Khitab Allah yang menjadikan sesuatu itu sebagai sebab kepada sesuatu hukum atau syarat atau mani’, sahih atau batil, azimah atau rukhsah bagi sesuatu hukum syarak yang berkaitan dengan perbuatan mukalaf<br><br>* mesti ada 3 daripada 7 hukum wadie yang dihitamkan</td><td>2x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>Hukum wadie berdasarkan ayat :<br>- Syarat<br>- Perkara yang membolehkan sesuatu hukum itu wujud dan ketiadaannya menyebabkan ketiadaan hukum/syarat boleh wujud tanpa wujudnya hukum.<br>- Oleh itu, ayat tersebut menjadikan wuduk sebagai syarat sahnya ibadah solat, apabila tiada wudu’ maka tidak sah solat<br>- Tetapi tidak semestinya berwudu’ untuk menunaikan solat</td><td>2x2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>Dua hujah menyokong pernyataan :<br><br>- Hukum syarak menjadi panduan kepada manusia untuk mengerjakan perkara yang baik (suruhan) dan meninggalkan perkara yang buruk (larangan).<br>- Hukum syarak memimpin manusia untuk beribadah dengan betul seterusnya menjalani kehidupan yang sempurna.</td><td>2x2m = 4m</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | (di) | **2 bidang kuasa mahkamah syariah :**<br><br>- Perkara mal<br>- Perkara jenayah | 2x1m = 2m |
| | (dii) | **Tujuan diadakan mahkamah rayuan**<br><br>- Mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh mahkamah tinggi syariah dalam menjalankan bidang kuasa asalnya. | 2x1m = 2m |
| | (ei) | **Dua langkah Kerajaan bani uthmaniah memajukan negara :**<br><br>- Pemerintah melantik menteri menteri, ketua-ketua tentera, mufti, qadi dan pegawai-pegawai kerajaan bagi membantunya.<br>- Para ulamak mendapat tempat yang tinggi dan bertanggungjawab bagi memastikan pelaksanaan syariat Islam secara sempurna dalam negara.<br>- Pendidikan rakyat dititik berat dengan menyediakan pusat2 pengajian yang lengkap dengan kemudahan bagi par apelajar seperti biasiswa dan perpustakaan. | 2x2m = 4m |
| | (eii) | **Faktor kegemilangan tamadun kerajaan bani uthmaniah :**<br><br>- Berpegang teguh dengan ajaran al-quran dan as-sunnah serta melakukan ijtihad bagi menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam<br>- Keikhlasan para khalifah untuk menegakkan Islam<br>- Keadilan ditegakkan oleh khalifah bagi melindungi golongan yang dizalimi.<br>- Pembinaan pusat-pusat perniagaan yang besar | 1x2m = 2m |